

1. PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q41 (KONTRAK : KEKOSONGAN 1)

Tangga Gaji	P1	RM2,145.88 (Minimum)	-	RM5,553.48 (Maksimum)
	P2	RM2,254.37 (Minimum)	-	RM5,861.53 (Maksimum)
	P3	RM2,367.59 (Minimum)	-	RM6,196.56 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41:P1 RM2,145.88); atau

- (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang pertanian atau perikanan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41:P1 RM2,249.66); atau

- (iii) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41:P1 RM2,353.44); atau

- (iv) ijazah Doktor Perubatan Veterinar oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41:P1 RM2,561.00); atau

- (v) ijazah sarjana dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41:P1 RM2,664.78); atau

- (vi) ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang sains daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41:P1 RM2,976.11)

- dan (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Lantikan Tambahan

Bagi jawatan yang ditawarkan di Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam, Kampus Gambang.

Keutamaan kepada calon :

- (a) kelulusan dalam bidang Sains Alam Sekitar, Kejuruteraan Teknologi & Pengurusan Alam Sekitar, *Waste Management* atau Kejuruteraan Kimia.
- (b) memiliki Kepujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.
- (c) mencapai sekurang-kurangnya CGPA 3.00 pada peringkat ijazah sarjana muda (tertakluk kepada budibicara Jawatankuasa Pemilih).

2. PENOLONG PEGAWAI PENERBITAN GRED N27 (KONTRAK : KEKOSONGAN 1)

Tangga Gaji P1 RM1,361.14 (Minimum) - RM3,565.62 (Maksimum)
P2 RM1,439.77 (Minimum) - RM3,775.97 (Maksimum)
P3 RM1,521.80 (Minimum) - RM3,992.94 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred N27: P1 RM1,361.14); atau
 - (b) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred N27: P1 RM1,361.14); atau
 - (c) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.;
(Gaji permulaan ialah pada Gred N27: P1 RM1,661.95); atau
- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Penerbitan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penerbitan Gred N27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- (i) mempunyai kelayakan di perenggan (a) hingga (d) di atas; atau

- (ii) lulus Peperiksaan Khas;
dan (iii) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

Syarat Lantikan Tambahan

Bagi jawatan yang ditawarkan di Penerbit UMP, Kampus Gambang.

Keutamaan kepada calon yang mempunyai:

- (a) pengalaman dalam penerbitan jurnal/majalah/bulletin sekurang-kurangnya 1 tahun.**
- (b) pengalaman dalam penyuntingan manuskrip jurnal/makalah/buku.**
- (c) pengetahuan dalam penerbitan digital (*online*).**
- (d) Kepujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.**

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMP berasaskan pengalaman kerja berkaitan.

SYARAT-SYARAT UMUM

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

TARAF JAWATAN

Jawatan akan dilantik secara **kontrak**.

CALON-CALON YANG MEROKOK TIDAK DIGALAKKAN MEMOHON

PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan **melalui Ketua Jabatan** masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18.

UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara **Online** dengan mengisi maklumat pemohon di laman web rasmi UMP iaitu <http://www.ump.edu.my>. Calon diwajibkan mencetak **Surat Pengesahan Permohonan Online (Selepas tamat mengisi butiran permohonan melalui web rasmi UMP)**. Permohonan yang tidak dibuat secara **Online** melalui laman web rasmi UMP tidak akan dilayan.

Sila nyatakan jawatan yang dimohon di penjuru kiri muka hadapan sampul surat.

Permohonan yang lengkap beserta dengan salinan-salinan sijil akademik dan lain-lain dokumen berkaitan yang telah disahkan hendaklah dihantar kepada :

**PENDAFTAR,
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,
LEBUHRAYA TUN RAZAK,
26300 GAMBANG, KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR
(U/P : UNIT PERJAWATAN & CUTI BELAJAR,
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

CATATAN AM

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN :
Pada atau sebelum 8 Mac 2013.

Tarikh akhir penerimaan dokumen permohonan setelah mengisi maklumat di laman web rasmi UMP, <http://www.ump.edu.my> adalah pada 15 Mac 2013.